

## **Kajian Sistematik Terhadap Kebebasan Beragama Dan Hubungkaitnya Dengan Maqasid Al- Syariah Di Malaysia**

AHMAD SYAUQI BIN ABDULLAH

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
email [syauqiabdullah98@gmail.com](mailto:syauqiabdullah98@gmail.com)

NISAR MOHAMMAD BIN AHMAD

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
email [nisar@usim.edu.my](mailto:nisar@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa dan agama yang bernaung di bawah undang-undang tertinggi yang sama iaitu Perlembagaan Persekutuan. Walaupun begitu, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan beberapa perkara yang memberikan keistimewaan kepada bangsa Melayu dan penganut yang beragama Islam. Perkara 11 memperuntukkan hak kebebasan beragama terhadap setiap warganegara akan tetapi peruntukan ini tidak mutlak kepada penganut agama Islam yang mana ianya menyekat penyebaran agama bukan Islam dalam kalangan umat Islam. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa hak kebebasan agama dalam Perlembagaan Persekutuan mengandungi salah satu prinsip *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama. Justeru, objektif kajian ini untuk menganalisis sejauh mana peruntukan hak kebebasan beragama memenuhi prinsip-prinsip *maqasid al-syariah*. Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA yang mana data dan maklumat diperolehi daripada laman sesawang Myjurnal dan Google Scholar. Hasil carian mendapati sebanyak 92 artikel diperolehi daripada laman sesawang Myjurnal dan 218 artikel daripada Google Scholar dengan menggunakan kata kunci yang bersesuaian seperti “*maqasid al-syariah*”. Namun, 294 dikecualikan kerana artikel tersebut tidak berkaitan dengan kajian ini. Hanya 10 artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian ini akan dibincangkan oleh pengkaji. Akhir sekali, hasil daripada kajian ini dapat membuktikan perkaitan antara *maqasid al-syariah* dengan hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan dan diharapkan ianya dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap interpretasi hak kebebasan agama dan perkaitannya dengan *maqasid al-syariah*.

**Kata Kunci:** *Kebebasan beragama, Maqasid al-syariah, PRISMA, Myjurnal, Interpretasi*

### **PENGENALAN**

Kebebasan beragama merupakan salah satu hak kebebasan asasi yang diiktiraf oleh Malaysia kepada setiap warganegara di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Terdapat beberapa peruntukan yang memberikan hak keistimewaan kepada penganut agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan seperti Perkara 8, 11, 12, 121, 150 dan kedudukan Yang di Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam. Maka di sini jelas menunjukkan tujuan peruntukan Perlembagaan di atas adalah untuk melindungi kedudukan agama Islam dan institusi yang

berkaitan dengannya di Malaysia. Selain itu, Perkara 11 (4) memperuntukkan undang-undang perlembagaan boleh menyekat segala bentuk penyebaran atau perkembangan agama selain Islam terhadap penganut agama Islam. Seterusnya, *maqasid al-syariah* merupakan tujuan pensyariatan sesuatu hukum untuk membolehkan manusia mengecapi kebaikan dan menolak keburukan. Prinsip *maqasid al-syariah* ini merupakan antara prinsip yang terpenting dalam penentuan hukum-hukum dalam kehidupan. Maka, berdasarkan keistimewaan yang telah diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada penganut agama Islam, jelas menunjukkan bahawa peruntukan tersebut mempunyai hubungkait dengan *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama. Justeru, kajian ini akan mengkaji sejauh mana peruntukan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan sama ada ia memenuhi prinsip-prinsip *maqasid al-syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## **METODOLOGI**

Metodologi merupakan elemen yang paling penting dalam sesebuah kajian bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, bagi mendapatkan data dan maklumat kajian, pengkaji telah melakukan kaedah kajian sistematis. Data dan maklumat hanya diperolehi daripada dua pangkalan data sahaja, iaitu laman sesawang Myjurnal dan Google Scholar. Myjurnal merupakan laman sesawang yang mengumpulkan kajian-kajian lepas daripada artikel atau jurnal dan diterbitkan di Malaysia. Myjurnal boleh didapati dipautan <https://myjurnal.mohe.gov.my/>. Manakala Google Scholar pula merupakan pangkalan data atau laman sesawang yang mengumpulkan ribuan penulisan akademik yang terdiri daripada artikel, jurnal dan sebagainya. Penulisan akademik yang terdapat di dalam Google Scholar bukanlah hanya diterbitkan di Malaysia malah di serata dunia. Google Scholar boleh didapati dipautan <https://scholar.google.com/>.

Dalam fasa pertama Prisma iaitu fasa pengenalan, pengkaji akan membuat carian berdasarkan beberapa kata kunci. Lebih banyak kata kunci yang digunakan semasa carian dilakukan, lebih besar potensi untuk memperolehi artikel atau jurnal yang berkaitan dengan kajian ini daripada pangkalan data tersebut. Pada permulaannya, pengkaji menggunakan kata kunci umum untuk membuat carian dilaman sesawang Myjurnal seperti “*Maqasid al-syariah*” dan “*Kebebasan beragama*”. Manakala kata kunci yang digunakan untuk laman sesawang Google Scholar lebih spesifik kerana jika menggunakan kata kunci yang terlalu umum akan mengeluarkan data yang terlalu banyak dan tidak berkaitan dengan tajuk kajian ini. Kata kuncinya seperti “*Maqasid al-syariah dan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan*”. Gambar rajah 1 dan 2 akan menunjukkan contoh carian yang digunakan dalam pangkalan data yang diguna pakai dalam kajian ini iaitu Myjurnal dan Google Scholar.



**Rajah 1:** Contoh carian yang digunakan dalam pautan MyJurnal

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji menggunakan kata kunci “*maqasid syariah*” dalam ruang carian dan ditapis secara spesifik untuk mendapatkan hasil carian dalam jenis artikel sahaja. Hasil carian juga dihadkan kepada artikel yang relevan dan berkaitan sahaja. Terdapat 92 hasil carian daripada Myjurnal.



**Rajah 2:** Contoh carian yang digunakan dalam pautan Google Scholar

Berdasarkan Rajah 2, pengkaji menggunakan kata kunci yang lebih spesifik dalam ruang carian seperti yang disebutkan di atas dan dihadkan tahun terbitannya daripada tahun 2013 sehingga tahun 2022. Hasil carian juga dihadkan kepada artikel jurnal sahaja. Terdapat 218 hasil carian daripada Google Scholar.


Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis Literatur	Artikel Jurnal	Kertas Kerja Seminar, Bahagian Dalam Buku.
Negara	Malaysia	Negara selain Malaysia
Tahun Terbitan	Dari tahun 2013 sehingga 2022	Tahun 2011 dan kebawah

**Jadual 1:** Senarai kriteria, kelayakan dan pengecualian kajian.

Seterusnya, pengkaji mengumpulkan hasil carian daripada Myjurnal dan Google Scholar dalam aplikasi Mendeley untuk disaring artikel-artikel yang berulang. Artikel-artikel yang berulang akan dikeluarkan daripada senarai artikel yang akan dianalisis dan jumlah yang

dikeluarkan ialah sebanyak 6 artikel. Maka, jumlah artikel yang akan dianalisis berdasarkan hasil carian daripada kedua-dua laman sesawang tersebut ialah 304. Walaubagaimanapun, setelah diteliti artikel-artikel tersebut, pengkaji mendapati sebanyak 294 artikel perlu dikeluarkan kerana artikel tersebut tidak berkaitan dengan tajuk kajian ini. Maka ianya menjadikan 10 artikel sahaja yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Rajah 3 menunjukkan carta aliran PRISMA seperti berikut:

Jadual 3: Carta aliran PRISMA



## DAPATAN KAJIAN

### Bilangan Terbitan

Sebanyak 310 artikel yang telah diperolehi berdasarkan carian kata kunci dalam kedua-dua laman sesawang tersebut. Pecahan artikel-artikel tersebut adalah seperti jadual 2 dibawah:

No.	Kata Kunci	MyJurnal	Google Scholar	Jumlah	Peratus (%)
1.	Maqasid Syariah	72	0	72	23.22
2.	Kebebasan Beragama	20	0	20	6.45
3.	<i>Maqasid al-syariah dan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan</i>	0	218	218	70.32
<b>Jumlah</b>		<b>92</b>	<b>218</b>	<b>310</b>	<b>100%</b>

**Jadual 2:** Jumlah bilangan artikel yang diperolehi daripada (MyJurnal dan Google Scholar)

Walaubagaimanapun, sebanyak 6 artikel telah dikeluarkan kerana artikel-artikel tersebut berulang dalam kedua-dua laman sesawang. Maka, jumlah akhir artikel untuk dianalisis adalah sebanyak 304. Kemudian, hanya 10 artikel yang diambil kira untuk kajian ini kerana berkaitan dengan tajuk, manakala 294 artikel dikecualikan kerana terkeluar daripada skop kajian.

No.	Tahun Terbitan	Bilangan Terbitan		Jumlah	Peratusan (%)
		MyJurnal	Google Scholar		
1.	2022	0	0	0	0
2.	2021	1	0	1	10
3.	2020	1	2	3	30
4.	2019	0	0	0	0
5.	2018	0	1	1	10
6.	2017	0	1	1	10
7.	2016	0	1	1	10
8.	2015	0	1	1	10
9.	2014	0	2	2	20
10.	2013	0	0	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>8</b>	<b>10</b>	<b>100 %</b>

**Jadual 3:** Hasil saringan terakhir berdasarkan tahun terbitan daripada (MyJurnal dan Google Scholar).

### Pecahan Bilangan Artikel Mengikut Pengarang

Jadual 4 menunjukkan bilangan artikel yang dinilai kelayakannya berdasarkan bilangan pengarang yang terlibat dalam penerbitan artikel tersebut. Senarai artikel tersebut dibahagikan kepada 4 kategori:

- a) Seorang pengarang,
- b) Dua orang pengarang,
- c) Tiga orang pengarang,
- d) Empat orang pengarang atau lebih,

No.	Bilangan Pengarang	(MyJurnal)	Peratusan (%)
1.	Seorang pengarang	0	0
2.	Dua orang pengarang	0	0
3.	Tiga orang pengarang	0	0
4.	Empat orang pengarang atau lebih	2	100
	<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>100 %</b>

**Jadual 4:** Bilangan terbitan berdasarkan kepada bilangan pengarang dalam laman sesawang MyJurnal

Berdasarkan kepada keputusan carian di dalam laman sesawang Myjurnal, didapati kedua-dua artikel tersebut mempunyai bilangan pengarang seramai 4 orang.

No.	Bilangan Pengarang	(Google Scholar)	Peratusan (%)
1.	Seorang pengarang	2	25
2.	Dua orang pengarang	5	62.5
3.	Tiga orang pengarang	1	12.5
4.	Empat orang pengarang atau lebih	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>100 %</b>

**Jadual 5:** Bilangan terbitan berdasarkan kepada bilangan pengarang dalam laman sesawang MyJurnal

Seterusnya, berdasarkan hasil carian di dalam laman sesawang Google Scholar, artikel yang dikarang oleh dua pengarang menunjukkan peratusan tertinggi sebanyak (62.5%) diikuti dengan artikel yang dikarang oleh 3 orang pengarang (12.5) dan akhir sekali artikel yang dikarang oleh 2 pengarang (25%).

## PERBINCANGAN

Terdapat satu kajian lepas yang membincangkan berkaitan hak kebebasan bersuara dalam hak kebebasan beragama di Malaysia. Dalam kajian lepas ini mempersoalkan sama ada hak kebebasan beragama di Malaysia bersifat mutlak atau sebaliknya. Pengkaji lepas memulakan perbincangan dengan pemahaman terhadap hak kebebasan beragama dan peradaban Barat. Sebagai implikasinya, masyarakat Eropah mula berfikir secara liberal dan mereka beranggapan semua orang layak dan bebas mentafsir agama (Ismail & Mujani, 2020). Seterusnya, pengkaji lepas memberikan pemahaman berkaitan Islam dan kebebasan beragama melalui kalimah-kalimah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Kajian lepas menyatakan meskipun pada asasnya Islam mengiktiraf hak kebebasan beragama akan tetapi wujud perbezaan antara hak kebebasan beragama antara Islam dan Barat (Ismail & Mujani, 2020). Akhir sekali, menurut

Ahmad Munawar (2020) untuk membincangkan isu-isu berkaitan kebebasan agama dan isu-isu mengenai Islam, masyarakat khususnya yang menganut agama Islam seharusnya mampu menguasai Bahasa Arab dan memahami Usul Fiqh dan *maqasid al-syariah*.

Selain itu, satu lagi kajian lepas yang telah dilakukan membincangkan berkaitan persepsi mengenai hak kebebasan beragama dalam kalangan penuntut universiti awam di Malaysia. Persoalan yang timbul dalam kajian lepas ini ialah berkaitan isu kebebasan beragama dan bagaimana pandangan masyarakat mengenainya. Dalam kajian lepas ini, turut membincangkan pemahaman hak kebebasan beragama menurut Perlembagaan Persekutuan, pandangan Barat dan pandangan Islam. Kajian lepas ini menyatakan semua orang yang berada di Malaysia bebas beragama tanpa dipaksa untuk memeluk agama Islam tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan (Mohd Najib, 2018). Menurut Nur Afifah (2018) perkara ini bukanlah bermaksud Islam membenarkan atau mengiktiraf agama selain Islam akan tetapi ianya hanyalah sebagai satu penghormatan kerana hakikatnya Islam adalah agama sebenar.

Dalam satu kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan *maqasid al-syariah* dalam Perlembagaan Persekutuan, pengkaji tersebut telah menerangkan bahawa istilah *maqasid al-syariah* tidak dinyatakan dalam perlembagaan tetapi cirinya jelas dan nyata dalam perlembagaan dan peruntukan yang berkaitan (Aziz, 2016). Selain itu, pengkaji turut menyatakan terdapat beberapa prinsip *maqasid al-syariah* yang dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan tanpa memerlukan penerangan. Di samping itu, terdapat juga prinsip *maqasid al-syariah* yang memerlukan tafsiran bagi membuktikan kewujudannya dalam peruntukan tersebut kerana tidak dinyatakan secara jelas. Secara kesimpulan, pengkaji dalam kajian ini hanya menyatakan prinsip-prinsip *maqasid al-syariah* yang terdapat di sebahagian peruntukan dalam perlembagaan secara umum tanpa menghususkan mana-mana bahagian.

Seterusnya, terdapat satu kajian berkaitan dengan *maqasid al-syariah* dalam perlaksanaan undang-undang kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan. Berkaitan dengan peruntukan kebebasan beragama, peruntukan ini ditafsirkan secara berbeza-beza mengikut agama. Secara umumnya peruntukan ini tidak terpakai kepada orang yang beragama Islam untuk murtad. Hal ini kerana murtad merupakan jenayah menurut Islam. Agama Islam sebagai agama yang meletakkan *maqasid hifz al-din* sebagai matlamat utama menetapkan bahawa murtad ialah jenayah yang merosakkan dan perlu dihukum demi menjaga kesucian agama Islam (Adam Badrulhisham & Farrah Wahida Mustafar, 2015). Secara kesimpulannya, kajian ini memfokuskan berkaitan salah satu prinsip *maqasid al-syariah* iaitu *hifz al-din* menjaga agama yang terdapat dalam peruntukan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, kajian lepas berkaitan kedudukan murtad dan penyebaran agama bukan Islam telah dilakukan. Kajian lepas itu membincangkan isu-isu berkaitan murtad yang berlaku di Malaysia. Kita sedia maklum agama Islam telah diberikan hak dan kedudukan yang istimewa oleh Perlembagaan dan juga Islam tidak boleh menyekat hak kebebasan mengamalkan agama bagi penganut-penganut agama lain. Akan tetapi, itu tidak bermakna hak tersebut bersifat mutlak kerana ia masih tertakluk kepada Perkara 11(4) yang menyekat penyebaran agama bukan Islam dalam kalangan umat Islam (Mohammad Zainal & Jamal, 2014). Selain itu, kajian lepas turut menyatakan peruntukan kebebasan beragama disisi UDHR tidak boleh diguna pakai kerana ia bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Islam telah menetapkan tujuan *maqasid al-syariah* yang pertama iaitu memelihara agama, jika umat Islam dibenarkan keluar dan masuk agama secara sesuka hati, ini bermakna hak memelihara agama itu sendiri telah dicabuli (Mohammad Zainal & Jamal, 2014).

Tambahan pula, sebahagian rakyat Malaysia terutamanya yang bukan beragama Islam mendakwa Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan kelihatan tidak adil dan mendiskriminasi

orang bukan Islam kerana hak menyebarkan agama diberikan sepenuhnya kepada orang Islam namun orang bukan Islam dilarang menyebarkan agama mereka kepada umat Islam (Faezah et al., 2020). Menurut Faezah (Faezah et al., 2020) sebagai penganut agama Islam wajib memelihara kesucian agama Islam kerana murtad merupakan jenayah dalam Islam. Hal ini kerana memelihara agama Islam bertepatan dengan prinsip *maqasid al-syariah* iaitu *hifz al-din*.

Seterusnya, dalam satu kajian lepas yang membincangkan berkaitan penerimaan masyarakat Non-Muslim terhadap aktiviti dakwah Islamiyyah. Kajian lepas menyatakan kebebasan beragama merupakan hak yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Walaupun hak kebebasan beragama dilihat meraikan realiti kemajmukan masyarakat di Malaysia, namun segelintir masyarakat Malaysia masih keliru berkaitan interpretasinya terhadap penganut agama Islam sehingga mencetuskan perbalahan dan pertikaian terhadap keistimewaan penganut agama Islam (Azhar Meerangani et al., n.d.-b). Hak kebebasan beragama sama seperti kebebasan bersuara dan bergerak yang mana ia tidak bersifat mutlak di mana pihak pemerintah boleh membuat sekatan sekiranya berpotensi menjelaskan ketenteraman awam (Azhar Meerangani et al., n.d.-b). Menurut Azhar (2021) berdasarkan hak kebebasan beragama terhadap penganut agama Islam yang dibolehkan untuk berdakwah terhadap warga bukan Islam sememangnya wujud dalam perlembagaan secara tidak langsung telah memenuhi tuntutan *maqasid al-syariah* iaitu *hifz al-din*.

Di samping itu, wujud satu kajian lepas yang membahaskan berkaitan prinsip hak asasi manusia menurut perspektif undang-undang dan hukum syarak. Dalam kajian lepas ini, ia menganalisis empat hak sivil dan politik iaitu kebebasan diri, kebebasan beragama, kesamarataan gender dan kebebasan bersuara secara perbandingan. Menurut Mohd Hisham (2017) matlamat syariah atau *maqasid al-syariah* mempunyai kaitan dengan perlindungan hak asasi manusia yang mana dalamnya juga terdapat peruntukan berkaitan kebebasan beragama. Tambahan lagi, orang bukan Islam dibenarkan untuk mengamalkan amalan agama mereka dengan syarat tidak dilakukan amalan tersebut di tempat awam bagi mengelakkan amalan yang dianggap syirik terdedah kepada orang Islam. Hal ini kerana sekatan tersebut bertujuan melindungi keislaman dan keimanan orang Islam yang merupakan salah satu matlamat *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama (Mohd Kamal, 2017).

Seterusnya, kajian lepas juga ada membincangkan berkenaan dengan konsep *rahmatan lil 'alamin* menurut Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan istimewa kepada bangsa Melayu dan agama Islam tanpa mengabaikan kepentingan bangsa dan agama lain. Walaupun begitu, wujud bibit ketegangan daripada bangsa selain Melayu dan selain agama Islam disebabkan kelebihan yang diberikan kepada agama Islam. Sebagai contoh Perkara 11(4) yang memperuntukkan sekatan terhadap penyebaran agama atau doktrin kepada orang Islam. Maka, Hal ini membuktikan Perlembagaan Persekutuan yang termaktub menepati *maqasid al-syariah* yang terpenting, iaitu *hifz al-din* (Azhar Meerangani et al., n.d.-a).

Akhir sekali, berdasarkan penulisan lepas yang membincangkan berkaitan gambaran Malaysia terhadap hak kebebasan beragama. Menurut Faridah Jalil (Jalil et al., 2014) kebebasan beragama adalah sangat penting bagi Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa dan agama, berdasarkan peruntukan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Walaupun begitu wujud limitasi dari segi sebaran atau pengembangan agama lain terhadap orang Islam berdasarkan peruntukan Fasal (4). Berdasarkan kenyataan ini, jelas menunjukkan peruntukan Perkara 11 itu telah memenuhi salah satu prinsip *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama.

## KESIMPULAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian sistematik (*Systematic Literature Review*) terhadap hak kebebasan beragama dan hubungkaitnya dengan *maqasid al-syariah* di Malaysia dengan menggunakan kerangka kerja PRISMA. Kajian ini hanya menganalisis artikel atau jurnal yang diterbitkan daripada dua laman sesawang iaitu Myjurnal dan Google Scholar daripada tahun 2013 sehingga tahun 2022.

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan analisis kepada kajian-kajian lepas pengkaji mendapati bahawa walaupun peruntukan Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan secara umumnya memberikan hak bebas kepada semua masyarakat untuk mengamalkan dan menganuti mana-mana agama, akan tetapi peruntukan mempunyai limitasi kepada penganut yang beragama Islam. Penganut agama Islam tidak dibenarkan sewenang-wenangnya untuk keluar atau masuk daripada agama Islam. Selain itu, Perkara 11(4) juga memperuntukkan undang-undang perlembagaan boleh menyekat segala bentuk penyebaran atau pengembangan kepada penganut agama Islam. Perkara ini jelas menunjukkan peruntukan kebebasan beragama mempunyai hubungkait dengan *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama *hifz al-din*. Justeru, diharapkan kajian akan membuka ruang untuk pengkaji akan datang untuk membahaskan terhadap perkara ini dengan lebih mendalam. Akhir sekali, hasil daripada kajian ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap interpretasi hak kebebasan agama dan perkaitannya dengan *maqasid al-syariah*.

## RUJUKAN

- Adam Badrulhisham, & Farrah Wahida Mustafar. (2015). Maqasid Syariah dalam Undang-undang Kebebasan Beragama di Malaysia. *Regional Conference on Islamic Studies November 2015, November 2015*.
- Azhar Meerangani, K., Badhrulhisham, A., Keilmuan Islam, F., & Rashid, T. A. (n.d.-a). Pemaknaan Konsep Rahmatan Lil'Alamin menurut Perlembagaan Persekutuan. *Jurnal.DbP.My*, 32–33. Retrieved January 28, 2022, from <http://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/6880>
- Azhar Meerangani, K., Badhrulhisham, A., Keilmuan Islam, F., & Rashid, T. A. (n.d.-b). PENERIMAAN MASYARAKAT NON MUSLIM TERHADAP AKTIVITI DAKWAH ISLAMIYYAH: KAJIAN DI NEGERI MELAKA. *Kuim.Edu.My*, 32–33. Retrieved January 28, 2022, from <http://kuim.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/930>
- Aziz, S. A. (2016). Maqasid Al-Syariah Dalam Perlembagaan Persekutuan : Suatu Perbahasan Awal. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 28(2), 278–312.
- Faezah, N., Ahair, M., Mohd, Z., Ii, K., Muhammad, &, & Alias, N. (2020). Preservation Of Islam (Hifz Al-Din) In Federal Constitution Of Malaysia. *Al-Qanatir.Com*, 20(1). <http://al-qanatir.com/index.php/aq/article/view/260>
- Ismail, A. M., & Mujani, W. K. (2020). *Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia Limits of Expression in Religious Freedom Rights in Malaysia*. 7, 176–192.

Jalil, F., Undang-undang, K., Antarabangsa, P., & Aman, K. D. (2014). *KEBEASAN BERAGAMA : GAMBARAN MALAYSIA ( The Practise on Freedom of Religion in Malaysia ) diiktiraf oleh Malaysia kepada setiap warganegara di bawah Perlembagaan hak kebebasan beragama antaranya melalui instrumen antarabangsa seperti Perisyiharan Sejaga*. 220–235.

Mohammad Zainal, H., & Jamal, J. (2014). *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia : Satu Analisa Isu dan Cabaran Analysis and Challenges*). 2013, 13–36.

Mohd Kamal, M. H. (2017). *PRINSIP HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG*. 72–99.

Mohd Najib, N. A. (2018). *Persepsi Mengenai Hak Kebebasan Beragama dalam kalangan Penuntut Universiti Awam di Malaysia*.